

Raja2 sedang berusaha selesaikan masalah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Permasalahan: Titah Raja Perlis

ARAU, Isnin

RAJA Perlis bertitah hari ini, bahawa baginda dan Raja-Raja lain sedang berusaha mencari jalan menyelesaikan masalah yang dihadapi sekarang berhubung dengan rang undang-undang pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini.

Titah baginda, sejak negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, beberapa orang Raja telah diangkat sebagai Yang Di-Pertuan Agong namun negara tidak pernah menghadapi masalah seperti yang dihadapi sekarang.

"Beta ingat dari masa dulu hingga sekarang, Raja-Raja yang jadi Yang Di-Pertuan Agong berjalan dengan baik hinggalah hari ini," tegas baginda dalam titah ucapannya yang dibuat secara spontan di majlis penyampaian bintang-bintang dan pingat-pingat kebesaran sempena Hari Ulangtahun Keputeraan Baginda yang ke-46 di Istana Arau, di sini.

Baginda telah mengeneapkan teks ucapan rasmi yang disediakan untuk upacara itu untuk mengambil kesempatan mengulas isu yang dihadapi sekarang.

Sambil menyatakan rasa dukacita terhadap apa yang berlaku sekarang, baginda memberi jaminan: "Phak beta dan Raja-Raja lain masih mencari usaha, mencari jalan bagi menyelesaikan masalah ini, bukan berdam diri sahaja."

Saling bergantung

"Beta sedia berjumpa dengan seialapa yang ingin hendak bercakap dan bukan tujuan beta untuk membangkang ataupun apa-apa. Beta cuma hendak menerangkan hal yang sebenarnya, itu terpulanglah kepada pihak masing-masing. Manusia ini rambut sama hitam, fikirannya masing-masing berbeza," tambah baginda.

Baginda lalu memasihatkan rakyat Negeri Perlis supaya bertenang dalam menghadapi suasana sekarang sambil menyatakan rasa muskil baginda kerana tidak dapat menerangkan masalah itu secara terang.

"Oleh itu beta berharap rakyat Negeri Perlis tidak sama dengan negeri-negeri lain kerana kita negeri kecil dan Raja Perlis jika dibandingkan dengan Raja-Raja lain adalah tidak sama dari segi kebesaran dan kemewahan.

"Kita ni rendah dan kecil belaka," jelas baginda.

Mengenai kedudukan Raja-Raja, baginda berpendapat wujudnya rakyat raja kerana adanya Raja dan kalau ada Raja adalah rakyat kecuali kalau sesuatu negeri itu memilih tidak mahu beraja.

"Kita mahu kedua-dua pihak — Raja mahukan rakyat dan rakyat mahukan Raja dan kita juga mahu kerajaan kerana tanpa kerajaan, siapa pula yang akan memerintah," tegas baginda.

Menurut Raja Perlis lagi, setiap pihak patut menyedari bahawa negara ini mempunyai perlembagaan.

"Beta percaya Raja-Raja sedar kedudukan mereka sebagai Raja memerintah mengikut undang-undang tubuh negara yang kuasa mereka tidak boleh lari dari undang-undang tersebut."

"Beta sedar sebagai Raja memerintah, perlembagaan menyatakan Yang Di-Pertuan Agong menjalankan kuasa sebagai Raja memerintah dan baginda mesti menerima nasihat dari Perdana Menteri. Raja-Raja di negeri pula mesti menerima nasihat Menteri Besar," jelas baginda lagi.

Mengenai kekhawatiran setengah-setengah pihak tentang kemungkinan sebarang bakal Yang Di-

Raja2 Melayu

Banan asal dari Arkib

Negara Malaysia

sedia temui wakil kerajaan

Dari Muka 1

Pertuan Agong di masa-masa hadapan menjalankan kuasanya 'secara keras kepala dan degil' tanpa mengikut perlembagaan, baginda menjelaskan sekiranya perkara itu berlaku, lain-lain Raja boleh bertindak menurunkan Yang Di-Pertuan Agong berkenaan dari takhta.

"Dalam undang-undang tubuh, lima daripada sembilan Raja di negara ini boleh mengambil keputusan melantik salah seorang daripada mereka menjadi Yang Di-Pertuan Agong.

"Tetapi kalau Yang Di-Pertuan Agong itu buat degil, keras kepala dan tidak mahu ikut undang-undang, lima orang Raja yang melantiknya boleh bertindak menurunkannya," tambah baginda.

Sementara itu, ketika bertitah dalam jamuan teh di rumah tetamu, Baginda menegaskan Raja-Raja Melayu bersedia berjumpa dengan rombongan Kerajaan bagi membincangkan isu pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen Ogos lalu.

Raja Perlis menjelaskan pengakuan itu dibuat sewaktu persidangan Majlis Raja-Raja di Sabah baru-baru ini.

Titah baginda, Raja-Raja bersetuju bekerjasama ke jalan kebaikan bagi menyelesaikan ma-

salah yang berbangkit dari pindaan itu.

"Raja-Raja, sebagai manusia biasa, bersedia bertolak ansur untuk mencari kebaikan demi merapatkan hubungan Raja dengan rakyat."

Menurut baginda, Raja-Raja bersedia untuk membenarkan rombongan Kerajaan mengadap bagi menyelesaikan masalah itu.

Baginda mencajangkan supaya rombongan itu mengadap semua sembilan Raja Melayu dalam perjumpaan khas di Kuala Lumpur.

Raja Perlis tidak bersetuju dengan rancangan melawat satu negeri ke satu negeri untuk mengadap Raja-Raja bagi membincangkan perkara itu.

Mengenai laporan pindaan itu, Raja Perlis melahirkan rasa dukacita kerana rakyat hanya mendengar penjelasan dari sebelah pihak.

Titah baginda, Raja-Raja perlu membuat penjelasan supaya rakyat tidak mempunyai anggapan yang salah terhadap mereka.

"Saya dengan ikhlas bersedia menemui sesiapa saja bagi menyampaikan penjelasan dari pihak Raja-Raja."

Menurut Raja Perlis, Raja-Raja juga tidak mahu hubungan rapat mereka dengan rakyat terjejas kerana salah faham ekoran pindaan itu.